

**NILAI INTEGRITI DALAM PENGURUSAN ORGANISASI: KAJIAN MENURUT  
PERSPEKTIF ISLAM DAN KONVENTSIONAL**

**Zainora Daud**

Akademi Islam, KUIS

[zainora@kuis.edu.my](mailto:zainora@kuis.edu.my)

**Muhammad Firdaus bin Muhammad Sabri**

Fakulti Pengurusan dan Muamalah, KUIS

[firdaussabri@kuis.edu.my](mailto:firdaussabri@kuis.edu.my)

**ABSTRAK**

*Nilai integriti memainkan peranan yang sangat penting dalam pengurusan organisasi bagi melahirkan anggota organisasi yang berkualiti dan berkredibiliti dalam menongkah arus pembangunan modenisasi dan globalisasi. Artikel ini membincangkan konsep nilai integriti di dalam sektor organisasi menurut perspektif Islam dan konvensional. Objektif kajian adalah bertujuan untuk mengenal pasti konsep nilai integriti serta mengkaji perbandingan nilai integriti antara perspektif Islam dan Konvesional. Malahan artikel ini juga akan mengemukakan beberapa cadangan untuk meningkatkan nilai-nilai integriti dalam sektor organisasi. Hasil kajian menunjukkan bahawa pengurusan organisasi yang berorientasikan nilai integriti Islam akan melahirkan anggota organisasi yang profesional, cekap, akauntabiliti dan cemerlang di dunia dan akhirat serta mampu meningkatkan imej dan reputasi agama Islam secara universal dalam aspek jasmani dan rohani berbanding dengan perspektif konvesional yang hanya memfokuskan kepentingan material semata-mata serta hanya menekankan aspek jasmani sahaja.*

**Kata Kunci:** Nilai Integriti, Pengurusan Organisasi, Islam, Konvensional

---

**1. Pengenalan**

Menurut istilah Kamus Dewan Bahasa integriti bermaksud kejujuran dan ketulusan atau dalam keadaan sempurna dan utuh (2005) Integriti bermaksud sifat jati yang merangkumi juga keikhlasan, keterbukaan, amanah benar, berpegang kepada prinsip, tidak mudah dipengaruhi, boleh dipercayai, boleh pegang cakapnya dan lain-lain (Muhammad Shariffudin Shaari, 2013). Nilai-nilai yang baik perlu menjadi budaya kerja yang diamalkan oleh para pekerja khususnya penjawat awam seperti yang termaktub dalam Etos Perkhidmatan Awam. (Rosazman Hussin, 2014). Kesimpulannya nilai integriti memandu manusia ke arah melakukan kebaikan dan mengamalkan nilai-nilai positif dalam kehidupan dengan berpaksikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai pasak utama kehidupan. Ini jelas menunjukkan semakin tinggi nilai integriti insan semakin tinggi amalan nilai-nilai positif.

## 2. Pengurusan Organisasi

Sistem dan pengurusan organisasi pada era moden ini telah berkembang dengan pesatnya sesuai dengan perkembangan teknologi dan maklumat. Perkembangan teknologi dan maklumat yang pantas menjadi pemangkin kepada kebanyakan organisasi untuk memperkembangkan aktiviti mereka ke peringkat global dan menambah jaringan antarabangsa demi untuk mencapai impak prestasi yang terbaik dan keuntungan maksimum.

Maka pembangunan pengurusan organisasi yang berkesan memainkan peranan utama dalam kelangsungan hidup atau survival sesebuah organisasi lebih-lebih lagi yang bersifat keuntungan apabila sesebuah organisasi bertindak untuk meluaskan operasi di peringkat global.

## 3. Pengurusan Organisasi Dan Nilai Integriti

Kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi dalam era globalisasi turut memberi kesan sampingan dari aspek moral dan etika. Ini adalah kerana wujudnya persaingan yang sengit antara organisasi dari pelbagai kawasan dan negara. Organisasi yang tidak kompetitif, terutamanya yang bersifat keuntungan, akan mengalami kesan yang sangat besar seperti kerugian, kenaikan kos operasi dan seterusnya kebankrapan. Kebanyakan organisasi terutamanya yang bersifat keuntungan akan mencuba pelbagai cara untuk meneruskan survival didalam dunia perniagaan. Maka, sedikit demi sedikit akan terhakisnya sifat-sifat etika dan moral organisasi demi meneruskan kelangsungan hidup organisasi.

Globalisasi tanpa sempadan juga menjadikan pengurusan organisasi menjadi lebih mencabar terutamanya dari segi keperluan untuk menyampaikan perkhidmatan yang telus dan meningkatkan urus tadbir organisasi. Ini adalah kerana sesetengah organisasi menjalankan etika kerja yang tidak profesional demi untuk mencapai objektif syarikat dan keuntungan yang maksimum. Organisasi yang tidak berintegriti dan beretika menjadi ancaman kepada organisasi yang lain kerana secara tidak langsung telah mengabaikan hak dan keadilan pihak-pihak tertentu demi kepentingan sendiri.

Kemajuan organisasi dalam sesebuah negara bukan sahaja diukur melalui kemajuan teknologi dan ekonomi semata, tetapi turut dinilai melalui aspek seperti integriti dan moral. Keupayaan sesebuah organisasi samada organisasi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan atau organisasi bersifat keuntungan dalam melaksanakan perkhidmatan yang telus, pertanggungjawaban, cekap, tadbir urus yang baik dan berkualiti adalah penting dalam memenuhi keperluan sosial masyarakat serta meningkatkan keyakinan pelabur dan orang awam terhadap organisasi mereka. Dengan kata lain, kepercayaan yang diberikan oleh pelbagai pihak haruslah digunakan dengan sebaiknya agar tidak timbul isu-isu yang mencurigakan (Yusof Pon & Zahiruddin Othman, 2010). Justeru, pemantapan integriti secara keseluruhannya membawa impak yang besar dan signifikan bukan sahaja terhadap imej organisasi, tetapi juga turut mempengaruhi imej negara amnya (Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), (2013).

Pembudayaan integriti dalam sesebuah organisasi adalah salah satu cara untuk memupuk nilai-nilai murni dalam sesebuah organisasi dimana secara tidak langsung akan memberi pengaruh kepada perlakuan pekerja atau majikan di tempat kerja. Maka, bagi membudayakan

integriti, organisasi harus membuat satu kod tata kelakuan atau *code of conduct* untuk diperaktikkan dalam organisasi dimana ianya meliputi semua aspek operasi organisasi termasuklah kepimpinan, strategi, polisi, budaya dan juga maklumat.

Kerajaan amat menitikberatkan penerapan nilai-nilai integriti di dalam sektor awam, ini jelas dilibatkan dengan tercetusnya idea penggubalan satu pelan yang dipanggil sebagai Pelan Integriti Nasional (PIN) yang dilancarkan pada 23 April 2004 oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia yang ke - 5, Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi hasil daripada cabaran empat Wawasan 2020 yang menyatakan:

*“Membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh, dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur”*, yangmenjadi faktor utama pendorong PIN. Pelan ini diwujudkan adalah kerana kerajaan Malaysia menyedari tentang kepentingan integriti dalam institusi kerajaan, swasta mahupun masyarakat itu sendiri. Fokus utamanya adalah untuk membudayakan dan menyemai nilai integriti itu sendiri dalam sistem yang melibatkan komponen organisasi dan masyarakat dalam usaha kerajaan untuk membina masyarakat yang bermoral dan beretika (Institut Integriti Malaysia, 2006).

Selaras dengan tujuan utamanya, PIN bertindak untuk mengkoordinasikan semua sektor dan komponen dalam institusi negara (eksekutif, perundang mahupun kehakiman), swasta, organisasi bukan bersifat keuntungan, organisasi bukan kerajaan (NGO) mahupun masyarakat supaya komponen-komponen tersebut dapat menyumbang kepada pihak yang memerlukan. Secara tidak langsung, PIN memupuk semangat mempertahankan prinsip pemisahan autoriti supaya dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan lebih berkesan. Penubuhan PIN juga adalah untuk menyahut seruan dan cabaran wawasan 2020 yang keempat iaitu untuk membina sebuah masyarakat yang utuh dari aspek moral dan etika dimana warganya mempunyai nilai keagamaan, kerohanian dan budi pekerti yang tinggi (Institut Integriti Malaysia, 2006).

Kesinambungan daripada pelan ini, kerajaan Malaysia telah mengedarkan pekeliling perkhidmatan (Bil 6, Tahun 2013) yang berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2013 yang bertujuan untuk memaklumkan mengenai keputusan kerajaan untuk menubuhkan Unit Integriti yang berfungsi sebagai *focal point* atau teras kepada pengurusan isu-isu berkaitan integriti di semua agensi awam. Terdapat enam (6) teras utama didalam pekeliling tersebut iaitu tadbir urus, keutuhan integriti, pengesanan dan pengesahan salahlaku, pengurusan aduan, pematuhan undang-undang dan peraturan dan yang terakhir adalah tatatertib (Pekeliling Perkhidmatan Kerajaan Malaysia, (2013). Hasilnya, antara pelan – pelan integriti yang telah dilaksanakan oleh beberapa agensi-agensi kerajaan adalah Pelan Integriti dan Kod Etika oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia yang menekankan faktor-faktor seperti amanah, benar, bijaksana, telus, adil, dan bersyukur (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), 2014), Pelan Integriti Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) yang berlandaskan empat (4) objektif iaitu pemantapan modal insan, pemerksaan tadbir urus dan tatatertib, peningkatan perkhidmatan dan pemantapan nilai dan inovasi (Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), 2014.), dan juga Pelan Integriti Mampu atau Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia yang menekankan tiga (3) komponen integriti yang utama iaitu sahsiah, profesionalisme dan keunggulan kepimpinan (Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), 2013).

#### 4. Permasalahan Kajian


“Sistem integriti akan menangani konflik kepentingan dalam sektor awam, mengagihkan kuasa secara berkesan dan membatasi situasi yang boleh mencetuskan konflik kepentingan dan menjelaskan manfaat bersama. Perkara ini melibatkan akauntabiliti, ketelusan, pencegahan dan hukuman”. (Mohd Nizam Mohd Ali 2007). Integriti adalah kualiti kecemerlangan yang dimanifestasikan secara holistik dan bersepada dalam individu dan organisasi” (Institut Integriti Malaysia 2003).

Oleh kerana itu, amalan intergriti mempunyai hubungan yang sangat signifikan dengan pengurusan organisasi, secara tidak langsung apabila seseorang kurang peka dan prihatin dengan nilai-nilai integriti akan menyebabkan mereka mudah tersasar kepada aktiviti-aktiviti yang kurang bermoral. Saban hari, kita disajikan dengan pelbagai maklumat mengenai salahlaku samaada individu maupun organisasi. Di Malaysia misalnya, kita dijamukan dengan pelbagai informasi mengenai salahlaku yang melibatkan perbuatan jenayah, pecah amanah, rasuah dan sebagainya yang melibatkan kerugian berbilion dolar dan ini menyekat pengembangan ekonomi yang efektif. Isu-isu yang diutarakan telah menarik minat masyarakat dimana telah timbulnya kesedaran kerana impaknya adalah sangat besar, bukan sahaja kepada individu atau organisasi tertentu, bahkan kepada masyarakat keseluruhannya.

Di antara isu-isu yang pernah menggegarkan negara adalah skandal Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ), skandal penjualan enjin pesawat tentera, kredibiliti Polis DiRaja Malaysia (PDRM), isu stadium dan bangunan kerajaan yang runtuh dan rosak, dan yang terbaru adalah isu 1MDB. Isu – isu ini secara tidak langsung melibatkan kerugian yang sangat besar kepada negara yang mengakibatkan tercabarnya maruah negara yang majoritinya adalah penduduk beragama Islam. Isu – isu yang disiarkan di media massa ini telah menarik minat masyarakat untuk mengikutinya dan disini peranan kerajaan akan tercabar terutamanya berkaitan dengan prinsip dan keperluan untuk memelihara hak terutamanya orang awam (Yusof Pon & Zaheruddin Othman, 2010). Kredibiliti kerajaan akan tergugat jika tiada tindakan susulan atas isu integriti yang berlaku.

Berdasarkan statistik dari Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2010, populasi penduduk Islam adalah yang paling tinggi iaitu sebanyak 61.3% diikuti dengan Buddha (19.8%), Kristian (9.2%), Hindu (6.3%), agama tradisi lain (1.3%), tidak diketahui (1.0%), tiada agama (0.7%) dan lain-lain adalah sebanyak 0.4%.

Gambarajah 1: Taburan peratus penduduk mengikut agama di Malaysia.



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia 2010.

Islam adalah agama yang luhur dan murni yang diturunkan oleh Allah s.w.t melalui pesuruhNya, Nabi Muhammad s.a.w diiktiraf sebagai role model integriti di dalam lakaran sifat-sifat Rasulullah iaitu *siddiq, amanah, tabligh* dan *fatanah*. Sebagaimana dalam firman Allah:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

Maksudnya : Dan Bahawa Sesungguhnya Engkau mempunyai akhlak Yang amat mulia. (al-Qalam 4:68)

Islam memupuk nilai-nilai murni dan kerohanian yang secara tidak langsung menjadi teras kepada pengembangan akhlak dan moral penganutnya, di mana secara tidak langsung mempengaruhi segala perbuatan dan tingkah laku yang baik. Ini jelas di dalam hadis bahawa: Sabda Rasulullah shallallahu'alaahi wassalam:

إِنَّمَا بُعْثَتُ لِأَنْتُمْ صَالِحُونَ الْأَخْلَاقِ

Maksudnya: “Aku hanya diutus untuk menyempurnakan kemulian akhlak” (riwayat Imam Bukhari dalam al-Adab al-Mufrad h. 42)

Islam adalah agama rasmi Malaysia dan mempunyai penganut yang terbesar di negara ini. Namun, Malaysia masih tidak dapat lari daripada isu-isu integriti seperti rasuah, pecah amanah, fraud dan sebagainya. Masyarakat yang majoritinya Islam masih gagal menghayati agama Islam sebagai teras dalam membentuk akhlak dan moral dalam meningkatkan integriti. Berdasarkan statistik terkini daripada Indeks Persepsi Rasuah atau *Corruption Perception Index (CPI)*, Malaysia menduduki tangga yang ke 50 pada tahun 2014 pada skala 52 dimana menunjukkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya iaitu pada skala 50 dalam tahun 2013. Berdasarkan prestasi negara-negara anggota Asean pada tahun 2014, Singapura mengungguli indeks di mana menduduki tangga ketujuh (7) dengan jumlah skor pada skala 84. Manakala Myanmar menduduki tangga tercorot dengan jumlah skor adalah sebanyak 21 (*Global Corruption Perception Index*, 2015).


CPI adalah satu kayu ukur peringkat global yang mengukur tahap korupsi sektor awam di peringkat antarabangsa. Berdasarkan pengukuran indeks tersebut, skala ‘0’ mewakili kadar korupsi yang paling tinggi manakala ‘100’ menunjukkan kadar bersih korupsi.

Malangnya, Malaysia sebagai negara yang majoritinya beragama Islam masih gagal mengatasi Singapura di mana penduduk Islam negara tersebut adalah bukan dalam kalangan majoriti. Ini menunjukkan bahawa, sikap yang berteraskan akhlak yang murni yang menjadi tunjang agama Islam itu sendiri masih sukar untuk diterapkan ke dalam diri rakyat Malaysia yang majoritinya beragama Islam.

Ini dapat dibuktikan dimana kerajaan telah memperkenalkan pelbagai dasar, pelan dan strategi untuk agensi awam bagi memupuk budaya murni dalam memberi perkhidmatan kepada masyarakat. Diantaranya adalah ‘Bersih Cekap dan Amanah’ pada tahun 1982, ‘Kepimpinan Melalui Tauladan (1983), ‘Budaya Kerja Cemerlang’ (1983), ‘Penerapan Nilai Islam’ (1985), ‘Islam Hadhari’ (2003), dan ‘Pelan Integriti Nasional’ (2004), namun berdasarkan CPI Malaysia masih berada pada tahap yang sederhana. Berdasarkan kajian oleh *Global Corruption Barometer* (2013), persepsi masyarakat Malaysia terhadap sektor yang

paling berpotensi dipengaruhi rasuah adalah faktor parti politik sebanyak 79%, manakala ketenteraan dan NGO di kedudukan yang paling rendah iaitu sebanyak 30%.

Gambarajah 2: Persepsi masyarakat terhadap sektor yang dilihat paling dipengaruhi oleh gejala rasuah.



Sumber: Global Corruption Barometer 2013.

Persoalannya, adakah pelan dan strategi seperti yang diutarakan oleh kerajaan masih gagal dalam membentuk dan membudayakan nilai integriti yang tinggi dalam diri masyarakat, organisasi dan agensi kerajaan? Adakah wujudnya jurang di antara nilai kerohanian dan keagamaan dengan strategi konvensional yang diperkenalkan oleh barat bagi membentuk teras yang kuat dalam diri individu? Maka, kajian ini akan membincangkan dan membuat perbandingan mengenai aspek yang berkaitan dengan nilai-nilai dalam Islam itu sendiri dan nilai konvensional yang diamalkan dalam memupuk nilai integriti yang tinggi. Selain itu, kajian ini juga akan membincangkan langkah – langkah untuk menerapkan nilai integriti secara berkesan sebagai teras hidup dengan menggabungkan nilai kerohanian dan keagamaan dengan nilai konvensional yang diutarakan oleh pihak barat umumnya.

## 5. Objektif Kajian

1. Mengkaji nilai integriti menurut pandangan konvensional & Islam
2. Mengemukakan cadangan-cadangan untuk meningkatkan nilai integriti dalam organisasi berdasarkan komponen konvensional dan Islam.

## 6. Kepentingan Kajian

Kajian ini amat signifikan dilakukan kerana ia merangkumi semua aspek kehidupan samaada individu, organisasi dan kerajaan Malaysia. Malahan kajian ini juga akan mendedahkan nilai integriti menurut perspektif Barat dan Islam. Secara tidak langsung akan mengubah persepsi mereka terhadap integriti di mana ianya bukan hanya melibatkan hubungan sosial dengan

individu lain, bahkan turut melibatkan hal kerohanian seperti pahala dan barakah di dunia dan akhirat.

## 7. Sorotan Kajian

### 7.1 Kepentingan Integriti

Masyarakat yang kompetitif dan membangun adalah masyarakat yang mempunyai nilai integriti yang tinggi. Nilai-nilai murni yang diamalkan akan menjadi pemangkin kepada organisasi untuk terus maju dan berupaya untuk memberi sumbangan kepada kepesatan ekonomi negara (Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani (MOA), 2014). Ketidakhadiran integriti yang tinggi dalam masyarakat akan menyumbang kepada kemerosotan ekonomi dan keruntuhan akhlak dan ini akan mengakibatkan kemusnahan sistem dalam masyarakat dan negara secara total.

Integriti adalah sangat penting dalam operasi syarikat juga dalam kehidupan masyarakat sehari-hari. Sistem yang cekap dan telus adalah disebabkan oleh nilai integriti yang tinggi yang diserap dalam organisasi dan masyarakat (Verhezen, 2006). Kualiti integriti yang tinggi juga akan meningkatkan kepercayaan masyarakat dalam hubungan sosial mereka serta turut meningkatkan kepercayaan pelabur asing dalam membuat pelaburan di dalam negara. Pelaksanaan nilai integriti memerlukan penglibatan masyarakat serta pihak yang berkaitan secara menyeluruh dan secara tidak langsung dapat menjadikan integriti satu budaya yang utama dalam diri pekerja, organisasi serta masyarakat Malaysia amnya.

### 7.2 Kesan Integriti dalam Pengurusan organisasi

Walaupun integriti wujud dalam diri individu, pelaksanaannya dan hasilnya akan lebih memberi kesan apabila diamalkan dalam perhubungan sosial dan didalam organisasi (Verhezen, P. (2006). Integriti dalam organisasi digambarkan melalui pelaksanaan kod etika, piagam pelanggan, visi dan misi dan sistem kerja yang berteraskan moral, amanah dan amalan yang baik (Yusof Pon & Zaheruddin Othman, 2010; Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani (MOA), 2014). Pendapat ini disokong oleh Sulaiman Mahbob (2005) yang melihat pekerja dan majikan adalah individu yang dipertanggungjawabkan untuk memikul amanah dalam bidang kuasa mereka demi memenuhi kepentingan umum dan tanpa menyalahgunakannya untuk kepentingan diri dan keluarga. Maka, ini dapat dilihat sebagai suatu usaha organisasi yang proaktif dalam membudayakan integriti di tempat kerja. Secara tidak langsung, pembudayaan integriti akan meningkat kerana organisasi berterusan mengamalkannya, menghayatinya, dan akhirnya menjadi kebiasaan untuk diperaktikkan (Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani (MOA), 2014).

Pada peringkat organisasi, individu tidak lagi mengamalkan sahsiah dan nilai-nilai murni secara bersendirian, malah akan turut berkongsi nilai tersebut dan mengamalkannya secara bersama dengan rakan sekerja dan majikan. Secara tidak langsung juga, sikap individu akan menjadi ikutan dan role model kepada rakan sekerja. Ini diuraikan lagi dengan hasil kajian oleh Duggar (2009), dimana individu dalam organisasi akan bersedia untuk membincangkan nilai-nilai integriti secara terbuka dan ini memberi impak dan pengaruh yang positif dalam hubungan individu dengan persekitaran organisasi. Persekutuan yang sihat dengan nilai

integriti yang tinggi akan memotivasi pekerja untuk bekerja dan secara tidak langsung meningkatkan kualiti pengurusan organisasi.

Menurut Kouzes dan Posner (2002), pada peringkat organisasi atau korporat, integriti mempunyai hubungan yang signifikan dengan budaya, polisi dan kepimpinan. Budaya berintegriti harus dimulai pada tahap yang tertinggi dalam organisasi supaya menjadi ikutan kepada pekerja bawahan. Verhezen (2006) turut berkongsi perkara yang sama melalui hasil kajian beliau dimana pembudayaan integriti secara tidak langsung memupuk keperibadian individu dan mengkuahkan kepercayaan antara pekerja dan majikan di dalam organisasi serta hubungan organisasi dengan pihak lain. Menurut Duggar (2009), pembudayaan integriti dalam organisasi boleh membina persekitaran kerja yang sihat dan berkualiti. Nilai tersebut akan memberi impak yang baik dalam pengurusan organisasi dan prestasi kewangan yang stabil.

Integriti yang tinggi memberi impak yang besar dalam prestasi dan imej syarikat. Organisasi dengan kualiti integriti yang tinggi akan lebih kompetitif dari saingan mereka dari aspek perkembangan, peluang pekerjaan, stok, pendapatan dan juga keuntungan (Kouzes & Posner, 2002; Duggar 2009). Quigley (2007) dalam kajian beliau menyatakan bahawa organisasi yang mempunyai nilai integriti yang tinggi berupaya untuk membantu dan menyokong pekerja syarikat melalui konsultasi dan sokongan rakan sekerja dimana secara tidak langsung dapat mengurangkan stress dalam tugas dan meningkatkan kadar kepuasan pekerja. Menurut pendapat Kouzes dan Posner (2002) pula, organisasi yang berintegriti tinggi dapat meningkatkan kadar prestasi individu, kesetiaan pekerja kepada organisasi, meningkatkan kerjasama kumpulan, dan memupuk sikap beretika. Manakala menurut Duggar (2009) dan Quigley (2007) melalui hasil kajian mereka pula menunjukkan bahawa organisasi yang berintegriti tinggi cenderung untuk membentuk sikap kerjasama berpasukan, bermotivasi dan berinovasi, penyaluran maklumat yang telus, moral pekerja yang baik dan menghargai pelanggan.

Sebagai kontra, integriti yang lemah dalam organisasi membawa kepada keruntuhan sistem dan penurunan kadar kebolehpercayaan syarikat. Nilai integriti yang lemah menyebabkan syarikat mengalami kerugian yang besar dan ini secara tidak langsung memburukkan imej syarikat. Organisasi yang tidak mengendahkan peri pentingnya integriti dalam urusan seharian dan perniagaan mereka akan memberi kesan yang buruk seperti penurunan kadar berhenti kerja pekerja yang drastik, meningkatkan kadar keraguan pelanggan dalam berurus dengan syarikat, penyampaian maklumat yang tidak telus, pelanggaran perjanjian, tidak menghormati sesama pekerja, laporan kewangan yang meragukan, menyalahi dan meragui sesama sendiri, dan limitasi dalam memperolehi maklumat yang tepat. (Duggar 2009; Quigley, 2007; Kouzes & Posner, 2002).

### **7.3 Integriti menurut pandangan konvensional dan barat**

Para pengkaji dan ilmuan barat dan konvensional memberi pengertian yang berbeza mengenai definisi integriti menurut perspektif dan pemahaman mereka sendiri. Hal ini diperkuatkan lagi oleh Palanski dan Yammarino (2007) dimana dalam mengkaji integriti, para pengkaji berkongsi masalah yang umum dan sama dimana mereka banyak membincangkan mengenai definisi tetapi kurang dalam membangunkan teori yang sesuai.

Menurut New *Oxford American Dictionary* (Stevenson & Lindberg (Ed.), 2010), integriti membawa maksud kualiti yang berteraskan sikap yang jujur dan bermoral dan membawa kepada satu perilaku yang bersifat membina keperibadian secara keseluruhan. *Merriam-Webster Online Dictionary* (2009) pula mendefinisikan integriti sebagai suatu kod etika yang melambangkan prinsip moral dan nilai yang boleh diertikan sebagai anti-korupsi.

Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pula mendefinisikan integriti sebagai suatu konsep yang bukan sahaja meliputi tapi menjangkaui aspek-aspek seperti keikhlasan, kejujuran, keadilan, saksama, dan kebenaran (*United Nations*, 2005).

Verhezen (2006), dalam kajian beliau membincangkan mengenai integriti dari aspek yang berbeza dari kamus umum dimana integriti berasal dari kata akar Latin *integer* iaitu utuh atau keutuhan dimana seseorang yang berintegriti digambarkan sebagai seorang yang mempunyai prinsip yang tegas dan utuh tanpa berbelah bagi. Menurut beliau lagi, keutuhan dan prinsip yang tegas boleh digambarkan sebagai seseorang yang mempunyai tahap moral dan komitmen yang tinggi dalam menempuh cabaran. Pendapat ini diperkuatkan lagi oleh Carter (1996) dimana hasil kajian beliau menunjukkan individu yang mempunyai integriti yang tinggi bukan sahaja tahu untuk membezakan yang benar dan salah, tetapi mempunyai prinsip yang tegas dengan melakukan yang benar tanpa rasa malu dan takut.

Peterson dan Seligman (2004) pula menghuraikan sikap seseorang yang berintegriti dimana individu tersebut akan mempunyai karakteristik seperti ikhlas, berkata benar, jujur dalam pekerjaan, tidak berpura-pura dan bertanggungjawab terhadap tindakan yang Sumber. Ini diperkuatkan lagi dengan pernyataan oleh Pertick dan Quinn (2000) yang mana menurut mereka integriti adalah satu kesedaran mengenai perilaku yang melibatkan karakteristik seperti penghakiman yang telus dan adil, keutamaan dalam perkembangan moral dan menjadi pendokong utama dalam proses membuat keputusan yang baik.

Integriti bukan sahaja diukur dan dilihat melalui aspek karakter individu itu sendiri tetapi turut melibatkan perkara yang berkaitan dengan kesedaran untuk melakukan sesuatu yang bermoral dan baik tanpa mengharapkan apa-apa balasan. Maka, integriti adalah penting untuk dibentuk dan dipupuk sebagai perkara asas atau teras dalam kehidupan.

Integriti juga merupakan himpunan asas elemen-elemen murni yang konsisten yang memberi refleks atau tindak balas terhadap perkataan mahupun tindakan yang membawa kejayaan dan kualiti (Jamiah Manap, 2005). Perkara ini turut disokong oleh Zhou (2009) dan Jiao (2009) didalam kajian mereka dimana menurut tradisi klasik orang-orang cina, integriti mempunyai beberapa elemen penting iaitu kejujuran, kebolehpercayaan, prinsip moral dan kredibiliti dimana ianya adalah perkara dalaman yang asas yang ada pada diri seseorang yang akan memberi tindak balas terhadap tingkah laku dan sikap.

Tambahan pula, Turknett (t.t) turut menghuraikan mengenai perkara pokok dalam elemen integriti di dalam Model Karakteristik Kepimpinan yang dibangunkannya. Menurut Turknett, integriti adalah perkara asas dan utama yang diberi penekanan dalam model tersebut dimana ianya dijadikan sebagai teras dan panduan kepada pemimpin yang mengetengahkan konsep keseimbangan di antara tanggungjawab dan penghormatan. Menurut beliau lagi, pemimpin sesebuah organisasi tidak akan berjaya jika mengabaikan integriti. Pemimpin yang berintegriti tidak akan mengambil kesempatan keatas pihak lain dan mereka bersedia untuk mempertahankan kebenaran, berhati-hati dalam berjanji, dan berkata benar.

Kesimpulannya, para sarjana barat mendefinisikan integriti sebagai kualiti individu yang tinggi yang bersifat profesional yang mempunyai elemen prinsip diri yang utuh, mantap dan teguh. Sifat profesional yang dimaksudkan adalah yang berdasarkan prinsip-prinsip asas seperti kejujuran, ketelusan, adil, amanah dan bertanggungjawab (Integrity in Professional Ethics, 2009) tanpa menggugat kredibiliti individu atau organisasi dalam berurusan dalam kehidupan sehari-hari.

Ini jelas menunjukkan nilai integrity daripada perspektif Barat hanya mementingkan hubungan dunia sahaja. Pernyataan ini disokong oleh Ridzuan dan Razlina (2015), dimana ahli falsafah barat menafikan nilai-nilai agama dan kerohanian dan meletakkan faktor material sebagai elemen penting dalam hidup kerana ia boleh dinikmati secara fizikal (boleh disentuh, dilihat dan dinikmati faedah). Menurut ahli falsafah barat juga, konsep asas yang berkaitan dengan kerohanian dan keagamaan adalah sesuatu yang sukar dibuktikan kewujudannya. Dengan kata lain, telah wujud jurang yang amat besar diantara konsep teologi dengan pemahaman ahli falsafah barat yang bersifat kebendaan yang secara tidak langsung menolak elemen kerohanian, kehidupan dan ganjaran selepas mati.

#### 7.4 Integriti menurut pandangan Islam

Piawaian nilai-nilai integriti dapat disemai hasil daripada penerapan iman dan taqwa yang kuat kepada Allah s.w.t yang berpaksikan nilai-nilai yang termaktub di dalam al-Quran dan hadith. Secara tidak langsung dapat mengelakkan gejala-gejala negatif di dalam pengurusan organisasi seperti kes rasuah, tidak pegang janji, tidak amanah dan sebagainya. Firman Allah s.w.t:

وَمَنْ أَحْسَنْ دِينًا مِّمَّنْ أَسْلَمَ وَجْهَهُ وَهُوَ مُحْسِنٌ وَاتَّبَعَ مِلَةَ إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا وَأَخْذَ اللَّهَ

إِبْرَاهِيمَ حَلِيلًا

Maksudnya: Dan tidak ada Yang lebih baik ugamanya daripada orang Yang menyerahkan dirinya kepada Allah (dengan ikhlas), sedang ia berusaha mengerjakan kebaikan, dan ia pula mengikut ugama Nabi Ibrahim Yang lurus (yang tetap di atas dasar tauhid); dan (kerana itulah) Allah menjadikan Nabi Ibrahim kesayanganNya. (al-Nisa' 125:4)

Ayat ini jelas menunjukkan bahawa hubungan yang erat dengan Allah akan melahirkan integriti yang tinggi di dalam diri manusia sehingga melahirkan sikap ikhlas dan tekun mengerjakan kebaikan kerana Allah s.w.t semata-mata di dalam mengerjakan syariatNya dan mengikut segala suruhan yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w. (Ibn Kathir, 2002).

Islam menitikberat umatNya mempunyai nilai jati diri yang kuat dan mengamalkan amalan positif sebagaimana yang dikategorikan oleh Syed Othman Al-Habshi (2001) bahawa antara nilai-nilai integriti daripada perspektif al-Quran ialah:

a) Integriti rohaniah yang meliputi aspek iman dan taqwa

Aspek iman dan taqwa boleh dilihat dalam pegangan dan amalan seseorang yang berpegang teguh dengan al-Quran dan ajaran Rasulullah s.a.w sehingga dijamin menjadi manusia yang

sentiasa di dalam peliharaan Allah dan menjadi manusia yang berjaya di dunia dan akhirat. (Ibn Kathir, 2002). Sebagaimana firman Allah s.w.t:

أُولَئِكَ عَلَىٰ هُدًىٰ مِّنْ رَّبِّهِمْ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٣﴾

Maksudnya: Mereka itulah Yang tetap mendapat petunjuk dari Tuhan mereka, dan mereka lah orang-orang Yang Berjaya. (al-Baqarah 5:2).

Begitu juga dengan kepentingan taqwa yang mendapat kedudukan yang sangat mulia di sisi Allah. Firman Allah ta’ala bahawa:

يَأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِّنْ ذَكَرٍ وَّأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارِفُواٰ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ  
عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْنَكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَيْرٌ ﴿١٤﴾

Maksudnya: Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu Dengan Yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang Yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan Yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu). (al-Hujurat 13:49).

b) Integriti akhlak yang meliputi aspek amanah, bertanggungjawab, berbudi mulia, rajin dan tekun, syukur dan sabar.

Allah memerintahkan hambaNya supaya menunaikan amanah terhadap Allah dan manusia. Menurut al-Zamakhsyari Setiap insan mempunyai amanah (al-Shabuni, 2001). Bahkan Allah memerintahkan manusia supaya menyerahkan semua amanat kepada yang berhak dalam firman Allah:

\* إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤْدُوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ  
إِنَّ اللَّهَ نِعِمًا يَعْلَمُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿١٥﴾

Maksudnya: Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan Segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum Dengan adil. Sesungguhnya Allah Dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran Yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat. (al-Nisa’ 58:4).

Ini turut disokong dengan sabda Rasulullah s.a.w:

أَدَّ الْأَمَانَةَ إِلَىٰ مَنِ ائْتَمَنَكَ وَلَا تَخْنُ مِنْ خَانِكَ

Maksudnya: Sampaikanlah amanat itu kepada orang yang mempercayaimu, dan janganlah kamu berkianat terhadap orang yang mengkianatimu. (Riwayat Imam Ahmad)

Abu al-'Aliyah mengatakan amanat itu ialah semua perkara yang diperintahkan untuk dikerjakannya dan segala larangan untuk dikerjakannya (Ibnu Kathir, 2003).

Aspek tanggungjawab juga boleh dilihat dengan segala apa yang diperintahkan oleh Allah kepada golongan mukmin supaya menunaikan janji-janji mereka iaitu perjanjian dan aqad antara manusia dan Allah dan juga sesama manusia. Perjanjian yang dimeterai ini adalah berkaitrapat dengan segala hukum halal dan haram yang termaktub di dalam al-Quran dan al-(al-Shabuni, 2001) sebagaimana firman Allah:

يَأَيُّهَا الْذِينَ إِنْ أَمْنُوا أَوْفُوا بِالْعُهُودِ أَحِلَّتْ لَكُمْ بِهِمَةُ الْأَنْعَمِ إِلَّا مَا يُتَّلِّى عَلَيْكُمْ غَيْرُ مُحِلٍّ

الصَّيْدِ وَأَنْتُمْ حُرُومٌ إِنَّ اللَّهَ تَحْكُمُ مَا يُرِيدُ

Maksudnya: Wahai orang-orang Yang beriman, penuhi serta sempurnakanlah perjanjian-perjanjian. Dihalalkan bagi kamu (memakan) binatang-binatang ternak (dan sebagainya), kecuali apa Yang akan dibacakan (tentang haramnya) kepada kamu. (Halalnya binatang-binatang ternak dan sebagainya itu) tidak pula bererti kamu boleh menghalalkan perburuan ketika kamu Dalam keadaan berihram. Sesungguhnya Allah menetapkan hukum apa Yang iakehendaki. (al-Maidah 1:5)

Malahan konsep syukur juga mengundang keberkatan yang melimpah ruah dalam kehidupan manusia. Dan ia merupakan akhlak yang terpuji. Nikmat syukur dikaitkan dengan kegigihan taat kepada perintah Allah dan beriman kepada Allah dan akibat bagi mereka yang kufur dengan nikmat Ilahi, pastinya azab yang pedih di sisi Allah (al-Mahalli & al-Suyuti, t.t)

وَإِذْ تَأْذَنْتَ رَبُّكُمْ لِئِنْ شَكَرْتُمْ لَا زِيَادَنَّكُمْ وَلَئِنْ كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ

Maksudnya: Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: "Demi sesungguhnya! jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmatKu kepada kamu, dan Demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar Sesungguhnya azabKu amatlah keras".

Malahan al-Quran juga menyebut tentang kepentingan sabar di dalam kehidupan manusia. Terdapat tiga kategori sabar iaitu Sabar di dalam meninggalkan perkara-perkara maksiat, sabar di dalam melakukan ketaatan dan sabar ketika ditimpa musibah (Muhaysin, 2003). Firman Allah:

يَأَيُّهَا الْذِينَ إِنْ أَمْنُوا أَسْتَعِينُوا بِالصَّابِرِ وَالصَّلَاةِ إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ

Maksudnya: Wahai sekalian orang-orang Yang beriman! mintalah pertolongan (untuk menghadapi susah payah Dalam menyempurnakan sesuatu perintah Tuhan) Dengan bersabar dan Dengan (mengerjakan) sembahyang; kerana Sesungguhnya Allah menyertai (menolong) orang-orang Yang sabar. (al-Baqarah 153:2)

## **8. Dapatan Kajian**

Integriti berkaitrapat dengan pengurusan ogranisasi kerana kejayaan sesebuah organisasi datang daripada hasil sikap dan amalan murni mereka yang berteraskan Islam.

Ini jelas dilihat kaitan rapat dengan integriti dan organisasi iaitu integriti dalam organisasi dicerminkan dalam penggubalan dan pelaksanaan kod etika, piagam pelanggan, sistem atau peraturan kerja, yang mengikut amalan terbaik. Kod etika organisasi sentiasa diterapkan, dihayati, dan diamalkan oleh anggota organisasi sehingga ia menjadi amalan dan budaya keseluruhan organisasi (Mohd Tap Salleh 2007).

Para sarjana barat dan konvensional tidak menyentuh sama sekali peri pentingnya hubungan kerohanian dan agama di dalam perbincangan dan kajian mereka. Mereka menolak secara total elemen-elemen agama dengan beranggapan bahawa nilai-nilai agama adalah sesuatu yang telah ketinggalan zaman dan tidak boleh diselaraskan pelaksanaannya dengan dunia moden.

Manakala nilai integriti yang digarapkan dalam al-Quran dan al-Sunnah memandu manusia secara menyeluruh ke arah kehidupan di dunia dan akhirat, bukan sekadar aspek integriti jasmani atau material sahaja tetapi menumpukan aspek rohani dan akhlak iaitu dengan mengaitkan konsep iman dan taqwa sehingga melahirkan insan yang benar-benar ikhlas dalam melakukan semua amanah dan tanggungjawab mereka semata-mata kerana Allah s.w.t, di samping memiliki akhlak terpuji seperti amanah, bertanggungjawab, berpegang kepada janji, sabar, syukur dan sebagainya. Penerapan nilai integriti diri yang tinggi menunjukkan tahap keimanan yang kuat terhadap Allah s.w.t serta pegangan yang utuh terhadap sunnah nabi Muhammad s.a.w sehingga membentuk tanggungjawab sebagai khalifah Allah di muka bumi ini. Sekaligus menumbuhkan rasa takut dengan azab Allah sehingga boleh menjauhkan berlakunya gejala-gejala negative seperti pecah amanah dan sebagainya.

## **9. Cadangan**

Semua pihak mesti berganding bahu di dalam meningkatkan nilai integriti dalam kalangan pekerjauntuk memaksimakan kualiti pengurusan organisasi terutama kerajaan, organisasi dan individu.

### **a) Kerajaan Malaysia**

Kerajaan Malaysia perlu mencari satu formula atau dasar dalam menjadikan integriti suatu kesedaran dan teras dalam agensi-agensi awam serta organisasi dan masyarakat dengan mencampurkan elemen-elemen kerohanian dan keagamaan dengan elemen konvensional yang diusulkan oleh pihak lain khususnya dari barat. Merangka satu pelan transformasi, peraturan dan hukuman dalam pelaksanaan modul peningkatan nilai integriti dengan menggabungkan elemen-elemen kerohanian dengan konvensional agar pihak-pihak berwajib sedar mengenai kepentingan integriti bukan sahaja untuk kepentingan organisasi, masyarakat dan agensi awam, malahan untuk beroleh keberkatan dalam menjalankan tanggungjawab dan amanah sebagai khalifah Allah dimuka bumi.

b) Organisasi

Pihak organisasi melakukan pemantauan secara berkala dan mengadakan program-program ilmiah berkaitan integrity seperti bengkel dan seminar bagi membudayakan organisasi melalui nilai murni dan akhlak yang bermoral dalam memberi perkhidmatan kepada masyarakat juga dalam pengoperasian organisasi itu sendiri. Mendorong organisasi terutamanya yang bersifat keuntungan agar tidak mengambil jalan mudah dan melanggar undang-undang negara untuk mendapatkan tender atau keuntungan. Organisasi juga diserapkan budaya hormat-menghormati, telus dan adil dalam operasi mereka demi menjaga imej organisasi dan negara dalam membuat rangkaian dengan pihak luar. Selain itu juga, organisasi perlu menerapkan unsur kerohanian dengan merapatkan jurang diantara matlamat dunia dan akhirat dengan membuat kerja-kerja sosial seperti yayasan, sumbangan dan derma agar kekayaan yang dianugerahi Allah dapat dikongsi dengan yang kurang bernasib baik bagi mendapat keredhaan Allah sepanjang organisasi beroperasi. Secara tidak langsung dapat menarik minat pihak luar untuk melabur ke dalam negara sekaligus meningkatkan ekonomi negara kerana terdapatnya tahap kepercayaan yang tinggi terhadap operasi organisasi.

c) Individu

Individu juga perlu bekerjasama di dalam setiap aktiviti-aktiviti yang dilakukan berkaitan penerapan dan amalan integriti yang dianjurkan oleh pihak organisasi. Individu juga perlu memiliki kesedaran yang tinggi berkaitan tanggungjawab dan amanah yang amat dititikberatkan oleh agama Islam bagi muslim. Lantaran itu, individu dapat menerapkan nilai-nilai murni untuk dijadikan asas kepada individu untuk beretika dan bermoral dalam kehidupan seharian dan telus dalam menjalankan pekerjaan yang diamanahkan.

## 10. Kesimpulan

Berdasarkan hasil perbincangan ini menunjukkan bahawa nilai-nilai integriti sama ada daripada perspektif barat dan Islam perlu diadaptasi dan dihayati kerana ia membentuk pekerja yang cemerlang di dalam pengurusan organisasi.

Integriti umumnya merujuk kepada sifat-sifat positif seperti jujur, benar, amanah dan bertanggungjawab. Ia perlu didominasi oleh setiap pekerja bagi mendatangkan manfaat terhadap masyarakat.

Integriti merupakan suatu bentuk kualiti yang tinggi yang berteraskan prinsip kejujuran, keikhlasan, ketelusan dan amanah yang melambangkan ketinggian moral di mana ianya diikuti dengan tindakan yang beretika dan mengikut perundangan (Yusof Pon dan Zaheruddin Othman (2010). Malahan nilai integriti dalam perkhidmatan perlu diperlihatkan oleh penjawat awam melalui perlaksanaan amanah dan kuasa yang dipertanggungjawabkan ke atas mereka demi kepentingan umum.( Rosazman Hussin, 2014)

Namun begitu, jika dilihat daripada perspektif Islam, penerapan nilai integriti merangkumi amalan zahir dan batin. Hasilnya akan melahirkan pekerja mukminah dan shalehah yang berteraskan al-Quran dan al-Sunnah dengan mementingkan aspek ketauhidan dan kerohanian.

Aspek-aspek tersebut perlu dipengaruhi oleh nilai kerohanian dan keagamaan yang kukuh yang melahirkan pemimpin atau masyarakat yang berbudaya tinggi dan berprinsip (Yusof

Pon dan Zaheruddin Othman (2010). Integriti juga melebihi dari sekadar dalam ruang lingkup kemanusiaan dan fizikal itu sendiri dan mencakupi secara keseluruhan yang melibatkan kesucian dan kemurnian sesuatu benda atau tindakan yang melibatkan aspek kerohanian (Dun 2009).

### Rujukan

#### Al-Quran

Al-Mahalli & al-Suyuti, Jalal al-Din Muhammad bin Ahmad& Jalal al-Din bin ‘Abd al-Rahman bin Abi Bakr. (t.t). *Tafsir al-Imamayn al-Jalalayn*. Beirut: Dar al-Ma’rifah.

Al-Shabuni, Muhammad Ali. (2001). *Shafwah al-Tafasir Tafsir al-Quran al-Azim*.Beirut: Darul Fikr. Juz.1.

Carter & Stephen L. (1996). *Integrity*. New York: HarperCollins.

Duggar, J.W. (2009, 12 Ogos). The Role of Integrity in Individual and Effective Corporate Leadership. *Ethics and Behavioral Studies*. School of Business Administration, Philadelphia, US: Holy Family University.

Dunn, C. P. (2009). Integrity Matters. Western Washington University. *United States of America International Journal of Leadership Studies*, 5(2).

Global Corruption Barometer. (2013). *Transparency International*. Sumber daripada [http://www.transparency.org/research/gcb/overviewByCat&cat=117&bul\\_id=](http://www.transparency.org/research/gcb/overviewByCat&cat=117&bul_id=)

Global Corruption Perception Index. (2015). Sumber daripada <http://transparency.org.my/media-and-publications/ti-malaysia-press-statement-no-91-government-defence-anti-corruption-index-gi2015/>

Ibn Kathir, ‘Imad al-Din Abi al-Fida’ Ismail bin ‘Umar bin Kathir. (2003).*Shahih Mukhtasar Tafsir Ibn Kathir Qaherah*: Dar al-Salam. Jil.1.

Institut Integriti Malaysia. (2006, Januari). *Pelan Integriti Nasional, Edisi Ringkas*. Sumber daripada [http://www.moa.gov.my/documents/10157/59280/ringkasan\\_mengenai\\_pelan\\_integriti\\_nasional.pdf](http://www.moa.gov.my/documents/10157/59280/ringkasan_mengenai_pelan_integriti_nasional.pdf)

Institut Tadbiran Awam Negara, (1994). Citrakarya: Falsafah, Nilai dan Etika dalam Perkhidmatan Awam. Malaysia: Institut Tadbiran Awam Negara Malaysia.

Integrity in Professional Ethics. (2009, September). A Discussion Paper. *Federation of European Accountants (FEE)*. Sumber daripada <http://www.iiia.nl/SiteFiles/Downloads/04januariIntegriti%20in%20Professional%20Ethics%20A%20Discussion%20Paper%200909%20Colour.pdf>

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim). (2014). *Pelan Integriti Dan Kod Etika*. W.P Putrajaya: Malaysia. Sumber daripada [http://www.islam.gov.my/sites/default/files/e-penerbitan/pikej\\_0.pdf](http://www.islam.gov.my/sites/default/files/e-penerbitan/pikej_0.pdf)

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2010). *Taburan peratus penduduk mengikut agama di Malaysia*. Sumber daripada <https://www.statistics.gov.my/index.php?r=column/ctheme>

Jabatan Perangkaan Malaysia. (n.d). *Taburan peratus penduduk mengikut agama di Malaysia. 2010*. Sumber daripada [https://www.statistics.gov.my/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=117&bul\\_id](https://www.statistics.gov.my/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=117&bul_id)

Jamiah Manap. (2005, 2 - 3 Febuari). *Pemantapan Nilai Integriti Individu sebagai Teras Pembangunan Staf Berkualiti*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Kebangsaan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia, Johor, Malaysia.

Jiao, G. C. (2009, 31 Oktober). *An Ethical Study on Integrity*. Kertas kerja dibentangkan di CIBE Constructing Social Integrity. University of International Business and Economics, Beijing, China.

Kamus Dewan, (2005). Ed. ke-4 cet.per-1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA). (2014). *Pelan Integriti Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani 2014 – 2018*. Sumber daripada <http://www.moa.gov.my/documents/10157/a1620088-17b3-4f58-883d-d8ae4544 eaad>

Kolokium Pengukuhan Integriti, Institut Kefahaman Islam Malaysia pada Jun 2004.

Kouzes, J.M., & Posner, B.Z. (2002). *The Leadership Challenge*. San Francisco, US: Jossey-Bass.

Merriam-Webster Online Dictionary. (2009). Springfield, MA: Merriam Webster. Sumber daripada [www.merriam-websterdictionary/integrity](http://www.merriam-websterdictionary/integrity)

Mohd Nizam Mohd Ali, Ed. (2007). *Sistem Integriti Nasional: Asas-asas panduan*. Kuala Lumpur, Institut Integriti Malaysia dan United Nations Development Programmes.

Mohd Tap Salleh, D. D. (2007). Enhancing integrity in the public service. Twelfth Civil Service Conference. Kuala Lumpur, Malaysian Institute of Integrity.

Mohd Tap Salleh, D. D. (2008). Asean Integrity Dialogue 2008: Keeping the region relevant. New Straits Times. Kuala Lumpur: 17.

Muhammad Shariffudin Shaari, 2013 perlu dicari dan dating sendiri. <http://www.sprm.gov.my/files/Integriti%20Perlu%20Dicari%20atau%20Datang%20Sendiri.pdf>

Muhaysin, Muhammad Saalim. (2003). *Fath al-Rahman al-Rahim fi Tafsir al-Quran al-Karim*. Qaherah: Dar Mauhaysin.

- Mustafar Ali, (2004). Perlaksanaan Pelan Integriti Nasional Secara Berkesan
- Palanski, M. E. & Yammarino, F. J. (2007). Integrity and Leadership: Clearing the Conceptual Confusion. *European Management Journal*, 25(3), 171-184.
- Pekeling Perkhidmatan Kerajaan Malaysia Bilangan 6. (2013). *Penubuhan Unit Integriti di Semua Agensi Awam*, JPA(BPO)(S)215/65/5 Jld.13 ( 8 ). Sumber daripada <http://docs.jpa.gov.my/docs/pp/2013/pp062013.pdf>
- Pengukuhan Integriti Perkhidmatan Awam (2006). Kenali PIN. J. K. Islam, Pengukuhan Integriti Perkhidmatan Awam, Jabatan Kemajuan Islam. Perkhidmatan Awam, Malaysia: Institut Tadbiran Awam Negara
- Peterson, C., & Seligman, M. E. P. (2004). *Character strengths and virtues: A handbook and classification*. New York: Oxford/American Psychological Association.
- Petrick, J. and Quinn, J. (2000). The Integrity Capacity Construct and Moral Progress in Business. *Journal of Business Ethics*, 23, 3-18.
- Quigley, J. H. (2007). Trust – An Essential Asset: Creating Individual and Corporate Value, *The Raytheon Lectureship in Business Ethics*. Waltham, US: Bentley College.
- Ridzuan Masri dan Razlina Abd Rani. (2015). *Al-Ghazali Dalam Pengurusan Strategik: Pendekatan Etika Islam*. Kajang, Selangor: KUIS.
- Rosazman Hussin, (2014) Etika dan Integriti dalam Perkhidmatan Awam dalam Bengkel Peningkatan Amalan Perhubungan Awam Dalam Kalangan Pegawai Pegawai Berkuda Tempatan (Pbt) 17-18 Disember 2014 Sabah, Universiti Malaysia Sabah.
- Stevenson, A, & Lindberg C.A (Ed.). (2010). *New Oxford American Dictionary* (3<sup>rd</sup> ed.). Oxford university press.
- Sulaiman Mahbob. (2005). Pelan Integriti Nasional (PIN). Dlm. Mazilan Misa et. al., *Etika dan Integriti di Malaysia: Isu dan Cabaran*. Kuala Lumpur, Malaysia: Institut Integriti Malaysia.
- Syed Othman Alhabshi (2001). Integriti cemerlang negara gemilang. Konvensyen Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP) 2001. Melaka.
- Turknett Leadership Group (t.t.). *The leadership Character Model online*. Sumber daripada <http://www.leadershipcharacter.com/model.php>
- Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). (2013). *Pelan Integriti Mampu 2013-2015*. Sumber daripada <http://www.mampu.gov.my/documents/10228/11621/Pelan+Integriti+MAMPU+2013-2015.pdf/05d5c649-dc58-44d4-810f-5b0ff2318bd3>
- United Nations. (2005). *Public Service Ethics and Trust in Government Workshop Report*. 6th Global Forum on Reinventing Government. Sumber daripada <http://unpan1.un.org/intradoc/groups/public/documents/un/UNPAN020630.pdf>
- International Conference on Postgraduate Research (ICPR2015). (ISBN 978-967-0850-24-5) 1-2 December 2015, Bayview Hotel, Langkawi, MALAYSIA . 340

- Verhezen, P. (2006). Reputation in Good and Bad Times. *The Age*, Melbourne, Australia.
- Yusuf Pon, & Zaheruddin Othman. (2010, Jun 7 - 9). Pembangunan Integriti di Malaysia. *Seminar Antarabangsa Pembangunan Wilayah Ekonomi, Perundingan dan Pentadbiran Malaysia dan Indonesia*. Sumber daripada [http://repo.uum.edu.my/1510/1/Yusof\\_b.\\_Pon%5B1%5D.pdf](http://repo.uum.edu.my/1510/1/Yusof_b._Pon%5B1%5D.pdf)
- Zhou, S. J. (2009, 31 Oktober). *Understanding Integrity in China*. Kertas kerja dibentangkan di CIBE Constructing Social Integrity. University of International Business and Economics, Beijing, China.